

# Hijjaz - Dia Kekasih Allah

<https://www.youtube.com/embed/8P2RqZXgLRM?>

Malu rasanya mengatakan cinta  
Kepada dia kekasih Allah  
Kerana dia insan mulia  
Sedangkan diriku insan biasa

Ku pujuk jua hati dan jiwa  
Meluahkan rasa cinta membara  
Didalam pujian ucapan selawat  
Tanda penghargaan seorang umat

Selagi upaya ku turuti ajarannya  
Apa terdaya ku amalkan sunnahnya  
Moga di dunia mendapat berkat  
Di akhirat sana beroleh syafaat

Kerana peribadinya aku terpesona  
Kerana budinya aku jatuh cinta  
Rindu ku padanya tiada terkata  
Nantikanlah daku ditaman syurga

Ya rasul ya robi Allah  
Ya rasul ya robi Allah  
Sesungguhnya apa yang ku dambakan  
Adalah cinta Allah yang Esa  
Kerana cinta kepada Rasulullah  
Bererti cinta kepada Allah

Selagi upaya ku turuti ajarannya  
Apa terdaya ku amalkan sunnahnya  
Moga di dunia mendapat berkat  
Di akhirat sana beroleh syafaat

Kerana peribadinya aku terpesona  
Kerana budinya aku jatuh cinta  
Rindu ku padanya tiada terkata  
Nantikanlah daku ditaman syurga

Sesungguhnya apa yang ku dambakan  
Adalah cinta Allah yang Esa  
Kerana cinta kepada Rasulullah  
Bererti cinta kepada Allah

Ya rasul ya robi Allah  
Ya rasul ya robi Allah

---

Revision #1

Created 24 March 2025 22:30:49 by Arsan

Updated 24 March 2025 22:31:25 by Arsan